

09 DEC 2003

Abdullah-dasar/I

RAKYAT MAHUKAN KERAJAAN YANG BOLEH DIHARAPKAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 9 Dis (Bernama) -- Sambil menganggap dirinya hamba nombor satu kepada negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau mungkin memperkenalkan perubahan kepada dasar kerajaan jika diperlukan tetapi ianya bukan untuk kebanggaan peribadi.

Perdana Menteri berkata mana-mana negara yang gagal akur kepada perubahan pada keadaan, desakan dan kehendak rakyat, akan hanya mengundang masalah.

"Jika kerajaan tidak dapat menyahut, kerajaan itu tidak akan bertahan. Rakyat akan menjatuhkannya," kata Abdullah dalam temubual dengan wakil-wakil media Jepun hari ini menjelang lawatan pertamanya ke negara itu sejak menjadi Perdana Menteri pada 31 Okt lepas.

Beliau akan menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun di Tokyo pada Khamis ini. Ia juga merupakan lawatan pertamanya ke luar negara selaku ketua kerajaan.

Abdullah ditanya sama ada beliau akan meneruskan dasar-dasar yang dilaksanakan di bawah pentadbiran bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atau akan memperkenalkan ideanya sendiri.

Beliau berkata: "Kita harus dinamik, tiada ada apa yang terpacat sehingga tidak dapat diubah. Jika keadaan perlukan perubahan, dan jika saya tidak membuat perubahan, maka orang akan berkata 'dia ini mungkin bodoh'.

"Sebaliknya jika perubahan tidak perlu tetapi saya nak buat perubahan kerana saya mahu lakukannya untuk mendapat nama, orang juga akan berkata itupun bodoh. (Orang akan persoal) kenapa dia lakukan semua ini semata-mata untuk dapatkan nama."

Abdullah berkata beliau akan dibimbing oleh keyakinannya yang kuat bahawa apa saja keputusan yang dibuatnya adalah yang terbaik untuk negara ini.

"Saya hamba nombor satu yang berkhidmat untuk negara ini dan menentukan bahawa segala-galanya dilaksanakan dengan baik dan cekap supaya ia dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai apa yang dapat dilihat dari atas, Abdullah berkata beliau nampak "ufuk yang luas dan yang lebih jauh lagi".

"Kita lihat banyak benda yang tidak dilihat sebelum ini. Seseorang yang memegang jawatan berbeza perlu selesaikan begitu banyak isu yang sebelum ini saya tidak perlu tangannya secara langsung kerana saya ada seorang ketua yang menguruskannya.

"Sekarang ini, saya tidak ada ketua untuk merujuk," katanya.

Mengenai usaha membanteras rasuah yang menjadi lambang pentadbirannya yang baru, Abdullah berkata ia merupakan satu tindakan penting kerana tidak ada orang yang suka berurusan dengan sebuah negara yang dibelenggu rasuah.

"Kita tidak harus mempunyai reputasi sebagai sebuah negara yang mengamalkan rasuah. Ada orang berkata 'keadaan (rasuah di negara ini) tidaklah buruk'. Tetapi perkara buruk berpunca daripada perkara yang kecil. Ianya tidak menjadi besar dengan tiba-tiba.

"Jadi, jika kita tidak mahu ia berkembang sehingga di luar kawalan, kita mestilah menghapuskannya sekarang. Usaha perlu dibuat sekarang dan itulah yang kita sedang lakukan," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia merasakan kedudukannya dalam indeks antarabangsa (yang mengukur tahap rasuah di semua negara) masih kurang baik dan perlu dibaiki.

"Kita harus buktikan bahawa kita tidak amalkan rasuah. Itulah saja

caranya kita dapat membina kewibawaan kita, meningkatkan imej kita dan menjadi lebih menarik untuk pelaburan dan perdagangan," katanya.

Abdullah enggan menjawab soalan tentang siapa yang akan menjadi timbalannya.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI